

SIARAN AKHBAR

17 Disember 2013

## EKUINAS TERUS KEMBANG PORTFOLIO DENGAN TIGA PELABURAN TERBAHARU BERNILAI RM121.0 JUTA

### Fakta Utama:-

- Ekuinas terus kembang portfolionya dengan tiga pelaburan terbaharu bernilai RM121.0 juta. Bersama dengan pelaburan pelaksanaan Program Penyumberan Luar, Ekuinas telah membuat pelaburan komited dalam lapan syarikat bernilai RM238.4 juta untuk tahun 2013.
- Ekuinas mengumumkan pelaburan sulung dalam industri pembuatan makanan menerusi pembelian syarikat PrimaBaguz Sdn Bhd, sebuah syarikat pemprosesan daging premium halal yang berpotensi tinggi, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.0 juta. Pelaburan ini memberi peluang untuk Ekuinas berkecimpung dalam industri pembuatan makanan dan memanfaatkan sinergi dengan syarikat pelaburan portfolio makanan & minuman (F&B) sedia ada, yang merangkumi Burger King Malaysia dan Singapura, Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan San Francisco Coffee.
- Ekuinas turut mengumumkan pelaburan susulan dalam syarikat pelaburan portfolio F&B, iaitu Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG), dan juga syarikat pelaburan portfolio Pendidikan, iaitu ILMU Education Group Sdn Bhd (IEG), yang masing-masing bernilai RM48.8 juta dan RM32.2 juta. Pelaburan tambahan dalam IFG bertujuan membantu syarikat membeli ekuiti tambahan dan menyuntik modal baru ke dalam syarikat Cosmo Restaurants Sdn Bhd (Cosmo), iaitu syarikat francais Burger King Malaysia, untuk digunakan bagi menambah bilangan restoran BKM di Malaysia secara lebih agresif.
- Pada masa yang sama, pelaburan Ekuinas dalam IEG pula akan digunakan untuk membeli sehingga 76.5% ekuiti efektif dalam syarikat APIIT Lanka Pvt Ltd, sebuah institusi pengajian tinggi swasta terkemuka di Sri Lanka yang telah menjalin kerjasama erat dengan Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), sebuah syarikat portfolio sedia ada milik Ekuinas. Pelaburan terbaharu ini selaras dengan mandat Ekuinas untuk membantu syarikat portfolionya berkembang ke peringkat serantau.

**KUALA LUMPUR, 17 Disember 2013:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan pengembangan portfolio pelaburannya dengan tiga pelaburan terbaharu bernilai RM121.0 juta. Pelaburan terbaharu ini merangkumi pelaburan sulung Ekuinas dalam industri pembuatan makanan dan dua pelaburan susulan dalam syarikat pelaburan portfolio makanan & minuman (F&B) iaitu Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG), dan syarikat pelaburan portfolio Pendidikan iaitu ILMU Education Group Sdn Bhd (IEG) yang dimiliki Ekuinas.

Pelaburan sulung Ekuinas dalam industri pembuatan makanan adalah menerusi pembelian 100% kepentingan dalam syarikat **PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)** daripada CIMB Private Equity dan Prima Agri Products Sdn Bhd, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.0 juta. Syarikat PrimaBaguz, yang ditubuhkan pada tahun 1987, merupakan sebuah syarikat pemprosesan daging premium halal untuk bekalan kepada restoran perkhidmatan segera (QSR) serta segmen hotel, pusat peranginan dan syarikat katering (HORECA) yang berpotensi tinggi.

PrimaBaguz beroperasi dalam pasaran makanan halal diproses negara yang kini dianggar bernilai RM13.4 bilion, serta pesat berkembang dan dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 5% sepanjang lima tahun akan datang. PrimaBaguz juga mempunyai rekod prestasi kewangan yang mantap dan telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM56.5 juta, sementara pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) pula mencapai RM7.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Pada masa yang sama, Ekuinas turut menyediakan modal tambahan sebanyak RM48.8 juta bagi syarikat pelaburan portfolio F&Bnya, IFG. Jumlah pelaburan tersebut akan digunakan untuk membantu membiayai pembelian ekuiti tambahan sebanyak 25.9% daripada pemegang saham minoriti dan juga suntikan modal baru dalam syarikat **Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)**, yang merupakan pemilik francais dan pengendali restoran Burger King Malaysia.

Pada September 2011, Ekuinas telah membuat pelaburan sebanyak RM68.2 juta untuk kepentingan 68.2% dalam BKM. Sejak kemasukan Ekuinas, restoran burger No.2 di dunia itu telah berjaya meluaskan rangkaianya di seluruh Malaysia daripada 27 restoran kepada 49 menjelang hujung tahun ini. BKM juga telah berjaya meningkatkan pendapatan syarikat dari RM42.7 juta pada tahun 2011 kepada lebih RM74.9 juta bagi tahun 2013. Pelaburan susulan dalam BKM ini akan menyediakan dana tambahan bagi syarikat menjayakan pelan agresif pembukaan restoran baharu di seluruh Malaysia untuk mencapai 100 buah restoran menjelang tahun 2016.

Selaras dengan mandat untuk membantu syarikat Malaysia berkembang ke peringkat serantau, Ekuinas turut membuat pelaburan susulan dalam syarikat pelaburan portfolio Pendidikannya, IEG, bagi membolehkan syarikat tersebut membeli kepentingan majoriti dalam **APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)**, sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terkemuka di Sri Lanka.

Bersama dengan rakan pengurusan, IEG baru-baru ini telah menandatangani perjanjian bersyarat untuk membeli 51% ekuiti dalam APIIT Lanka daripada Expolanka, sebuah syarikat awam tersenarai di Bursa Saham Sri Lanka. IEG juga sedang berbincang dengan pemegang saham minoriti lain dalam syarikat untuk menambah ekuiti efektif sehingga 76.5% untuk jumlah keseluruhan pelaburan komited sehingga RM32.2 juta. Transaksi ini dijangka akan disempurnakan pada awal tahun 2014.

APIIT Lanka menawarkan kursus ijazah sarjana muda dan pascaijazah yang dianugerahkan oleh Staffordshire University, United Kingdom, dalam pelbagai bidang termasuk Perniagaan, Pengkomputeran dan Perundangan. Institusi tersebut juga telah sekian lama menjalin kerjasama erat dengan Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), yang merupakan syarikat portfolio sedia ada di bawah Ekuinas. Kolej di Sri Lanka itu mempunyai lebih 1,000 orang pelajar berdaftar dan memiliki rekod prestasi kewangan yang kukuh dengan Pendapatan dan EBITDA syarikat masing-masing meningkat 15% dan 28% sepanjang tiga tahun lalu untuk mencapai RM12.1 juta dan 4.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira dapat mengembangkan lagi portfolio pelaburan langsung Ekuinas dengan tiga pelaburan terbaru ini yang kesemuanya bernilai RM121.0 juta. Bersama dengan pelaburan yang telah dilaksanakan oleh pengurusan pihak ketiga di bawah Program Penyumberan Luar kami, Ekuinas telah berjaya membuat pelaburan sebanyak RM238.4 juta dalam lapan buah syarikat pada tahun 2013."

"Kami juga percaya kemasukan Ekuinas dalam industri Pembuatan Makanan menerusi PrimaBaguz, tepat pada masanya dengan saiz pasaran makanan halal diproses yang besar dan pesat berkembang. Kami merancang untuk meluaskan lagi perniagaan eksport PrimaBaguz secara lebih agresif, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia hab untuk pengeluaran makanan halal sedunia," tambah beliau lagi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad mengulas, "Dua pelaburan tambahan kami dalam syarikat Burger King Malaysia dan APIIT Lanka pula bakal mengukuhkan lagi portfolio F&B dan juga portfolio Pendidikan Ekuinas. Ini selaras dengan strategi kami untuk menjadikan IFG dan IEG syarikat peneraju pasaran. IFG kini memiliki BKM,

Burger King di Singapura, Manhattan Fish Market, Tony Roma's Malaysia, Popeye's Singapura dan juga San Francisco Coffee, dengan lebih 173 buah kedai di seluruh rantau ini dan pendapatan bergabung melebihi RM423 juta menjelang akhir tahun 2013. Sementara itu, dengan pelaburan dalam APIIT Lanka, IEG kini berpotensi menjadi syarikat pendidikan yang terkemuka di rantau ini dengan lebih 28,000 pelajar dan pendapatan bergabung melebihi RM294 juta."

Dengan tiga pelaburan terbaharu ini, Ekuinas yang telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk mewujudkan generasi baru syarikat peneraju industri, kini telah membuat pelaburan dalam 23 syarikat berpotensi tinggi di bawah Pelaburan Langsung dan juga Program Penyumberan Luar pada jumlah pelaburan sebanyak RM1.8 bilion. Menerusi semua pelaburan ini, dan ditambah modal yang dilaburkan oleh pihak swasta, Ekuinas telah berjaya menarik kemasukan modal melebihi RM2.4 bilion setakat ini, yang memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

###

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menujuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Setakat ini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi Malaysia yang terlibat dalam perniagaan barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.ekuinás.com.my](http://www.ekuinás.com.my).